

# Empat tan ikan segar habis dijual

S / Almaran 1 Jan 2018 m/s 39

Program jualan ikan harga patut dapat sambutan positif rakyat, sanggup beratur panjang beli ikan

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALALANGAT - Cadangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) membina 10 pusat pengumpulan dan pengedaran ikan tahun ini sebenarnya digalakkan terutama apabila berdepan musim tengkujuh.

Koordinator Pembangunan Persekutuan Dun Sijangkang, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, ia sebagai usaha menstabilkan harga sumber utama protein rakyat tempatan.

Menurutnya jika ia direalisasikan, stok ikan segar dapat ditingkatkan selain membantu rakyat tempatan mendapatkan ikan yang dijual pada harga berpatutan.

"Bagi saya apabila berlaku kekurangan ikan di pasaran, stokikan ini boleh dilambangkan bagi mengelakkan harga ikan melambung tinggi.

"Ikan sejuk beku itu juga boleh bertahan sehingga setahun," katanya yang menyokong usaha Pengurus LKIM, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim yang memberitahu pembinaan 10 pusat baharu itu akan diputuskan pada bulan ini selepas pihaknya meng-



Keadaan pelanggan yang sanggup beratur mendapatkan ikan segar dengan harga yang murah.

adakan perbincangan bersama Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

Mengulas mengenai sambutan menggalakkan lebih 2,000 pengunjung ke Program Jelajah Jualan Ikan Murah Segar di Jenjarum kelmarin pula, beliau menyifatkan ia bukan program yang bersifat sementara tetapi masih berterusan dengan menyasarkan penduduk luar bandar walaupun dianjurkan di pelbagai kawasan.

Menurutnya, sebanyak empat tan ikan segar habis

dijual kepada penduduk kelmarin termasuk ikan sardin, kembung dan cencaru.

"Ia memberi peluang mereka untuk mendapatkan sumber protein dengan harga yang jauh lebih rendah daripada pasaran semasa. Kehadiran ribuan orang ini membuktikan rakyat negara kita percaya dengan usaha kita untuk membantu mereka mengurangkan beban kewangan isi rumah," katanya.

Sulaiman turut memberitahu, selepas program Jualan Ikan Harga Patut anjuran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Taman Pahlawan baru-baru ini

mendapat sambutan, beliau diberitahu penduduk menantikan program sama dianjurkan pada kuantiti yang lebih banyak.

Katanya, tidak sangka pula pelanggan sanggup datang awal pagi beratur semata-mata mendapatkan harga yang lebih murah.

Seorang ibu tunggal, Nuraisyah Omar, 46, berkata, dia memang menantikan program berkenaan diadakan bagi mendapatkan harga lebih murah.

Katanya, dia tidak pernah menyalahkan peniaga menjual harga tinggi kerana saham ia mungkin di manipulated



Antara ikan yang menjadi tumpuan pelanggan sempena Program Jelajah Jualan Ikan Murah Segar di Jenjarum, kelmarin.

## INFO

- Cadangan LKIM bina 10 pusat pengumpulan dan pengedaran ikan tahun ini akan diputuskan bulan ini selepas LKIM adakan perbincangan bersama Nekmat dan Fama

orang tengah.

"Memanglah selalu akak dengar ikan di pasaran dijual mahal, tapi tak pernah pun ikian tak ada stok."

"Bagaimanapun, sebagai orang kampung, jualan sebegini membantu kami menjimatkan kos untuk beli ikan segar pada harga jauh lebih murah," katanya.

Bagi seorang guru, Heema Amri, 34, walaupun dia masih bujang dan tinggal bersama dua lagi rakannya di

Sijangkang sanggup datang ke program berkenaan selepas iklan tersebut tular di laman sosial.

Katanya, tidak dinafikan, masyarakat hari ini sanggup datang membeli pelbagai barang jika harga yang ditawarkan jauh lebih murah.

"Budaya pembeli sanggup tunggu beli ikan murah ni sama seperti pelanggan yang sanggup tunggu jualan akhir tahun membeli perabot rumah," katanya.